



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Paskah 2 - 12 April 2026

Doa Hari Ini

Bapa Mahakuasa, belas kasihan-Mu yang besar telah membuat hati para murid-murid gembira dengan penampakkan kepada mereka, Tuhan yang telah bangkit; berilah kami pengetahuan akan kehadiran-Nya di tengah-tengah kami, agar kami dikuatkan dan dipertahankan oleh hidup-Nya yang telah bangkit, dan kami akan terus melayani Engkau dalam keadilan dan kebenaran, melalui Kristus Tuhan kami. Amin

Injil - Yohanes 20:11-18

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 2:14a, 22-32



YOHANES 20:18 - AKU TELAH MELIHAT TUHAN

“Yesus yang bangkit, berbicaralah kepadaku.”


Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. SALAM PASKAH

"Tuhan telah bangkit!" "Sungguh, Dia telah bangkit!" Kiranya Yesus yang bangkit menjumpai kita di mana pun kita berada — dalam setiap luka, pergumulan dan harapan. Dia telah bangkit untuk memberikan hidup yang baru. Jangan ragu, datanglah kepada-Nya.



Siri Khotbah: 'Pertemuan dengan Yesus yang Bangkit' (Yohanes 20 & 21)

- 12 Apr - 'Yang berdukacita': Maria Magdalena
- 19 Apr - 'Yang Ketakutan': Para Murid
- 26 Apr - 'Yang Ragu-ragu': Tomas
- 3 May - 'Yang Berasa Malu': Petrus
- 10 May - *Hari Ibu*
- 17 May - 'Jadilah Berkuasa': Roh Kudus
- 24 May - Hari Pentakosta

2. SAMBUTAN PENUH SUKACITA

Kami menyambut dengan sukacita ke dalam keluarga Gereja Kristian bagi individu berikut yang dibaptiskan pada hari ini:

- Amanda Then Siew Khim - anak perempuan Hock Wah & Linda Then.
- Arden Thian Yo Yi - anak perempuan Vun Khong & Chui Li Thian.
- Nelvin Emrick Anak Kelereen
- Melvin Emrick Anak Kelereen
- Mark Azzryel Anak Aya

'Untuk membesarkan seorang anak, diperlukan sebuah komuniti'. Kiranya seluruh gereja turut serta membimbing dan membesarkan anak-anak ini supaya mereka hidup mengasihi dan melayani Tuhan.

Kami juga mengalu-alukan kepulangan Pastor Margaret selepas menjalani cuti sabatikal.

3. BERDOA BERSAMA

Perserkutuan doa bulanan ADOS-W akan diadakan pada esok malam jam 8:00 pm:

- Cina - di gereja kita
- Inggeris - di Gereja Anglikan Christ the King, Kingfisher Park
- BM - di Gereja Anglikan Donggongan, Penampang



Marilah kita bersama-sama datang dan berdoa.

4. MISI TIM PADUAN SUARA

Tim Paduan Suara jemaat ENG kita akan berangkat ke Gereja St. Patrick, Tawau pada hari Jumaat ini untuk misi nyanyian. Jadual mereka:

- Sabtu, 18 Apr - Kebaktian Gabungan CHI & ENG
- Ahad, 19 Apr - Kebaktian Hakka; diikuti dengan Kebaktian ENG.

Berdoa supaya mereka mengalami waktu yang bermakna dalam misi ini.

5. PELAYANAN LAINNYA

- 30 Apr - **Perjamuan Kudus Rumah**. Sila hubungi pejabat gereja.
- 18 Apr - **Pertandingan Bola Keranjang '3-on-3'**. Hubungi: Anjun/McJill
- 1 May - **Pusat Jagaan Harian ARK** bermula. Hubungi: 016-818 9013.
- Setiap Ahad petang, **permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Gubahan bunga** hari ini disumbangkan oleh Justin Ng & Han San.

6. TAHNIAH

Tahniah kepada Kim Seong Jin dan Sharon Chung Wei Jin atas perkahwinan mereka yang telah dilangsungkan kelmarin, 11 Apr, di gereja kita. Kiranya Tuhan Yesus memberkati mereka dan menuntun mereka dalam kasih, kesatuan, dan kesetiaan sepanjang hidup mereka.

7. KONFERENSI gen-BREAK

Konferensi ini merupakan perhimpunan pelbagai generasi untuk seluruh keluarga gereja — menghimpunkan jemaah berbahasa Inggeris dan Cina merentasi setiap tahap kehidupan. Berasaskan semangat Mazmur 145:4, konferensi ini bertujuan untuk meneruskan iman dari satu generasi ke generasi seterusnya melalui penyembahan, Firman Tuhan, dan pertemuan yang dipimpin oleh Roh Kudus. Sesi berbahasa Melayu pula diadakan secara berasingan di lokasi dan tarikh yang berbeza.



- **CHI & ENG - 30 Mei-2 Jun; at Katedral All Saints.** Konferensi ini terbuka untuk muda-mudi, belia, dan dewasa. Pelbagai topik yang berkaitan dengan pertumbuhan pemuatan ditawarkan. Sila daftar. Boleh rujuk: '<https://genbreak.life/>'.
- **BM - 1-3 Jun; di Gereja St. Margaret, Keningau.** Konferensi ini khusus untuk muda-mudi dan belia sahaja. Pelbagai topik yang berkaitan dengan kehidupan mereka ada disediakan. Sila daftar.



UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Apr 13	Gal 3	Mz 99	Jum, Apr 17	Efe 1	Mz 103
	Sel, Apr 14	Gal 4	Mz 100	Sab, Apr 18	Efe 2	Mz 104
	Rab, Apr 15	Gal 5	Mz 101	Ahd, Apr 19	Efe 3	Mz 105
	Kha, Apr 16	Gal 6	Mz 102			

"Aku telah melihat Tuhan" – Yoh 20: Untuk renungan & perbincangan:

- Pernakah anda mengalami kehilangan orang yang dikasihi? Bagaimanakah pengalaman itu menyentuh hati anda?
- Maria melihat malaikat dan kemudian Yesus, namun dia masih tidak berubah oleh pengalaman itu (ay. 12–15). Mengapa hal ini berlaku? Apakah yang peristiwa ini nyatakan kepada kita tentang dukacita dan kesakitan apabila kehilangan orang yang dikasihi?
- Yesus memanggil "Maria," dan ia mengenali-Nya. Apa makna Yesus memanggil dengan nama? (Yoh 10:3) Apakah yang hal ini nyatakan tentang hubungan-Nya dengan para pengikut-Nya? Rujuk Yoh 10:3.
- Yesus berkata, "Janganlah engkau memegang Aku terus..." kemudian mengutus Maria kepada murid-murid (ay. 17–18). Apakah maksud kata-kata Yesus ini? Bagaimanakah Maria berubah daripada ingin 'memegang' kepada diutus?
- Maria bergerak daripada dukacita kepada misi: "Aku telah melihat Tuhan!" (ay. 18). Ke mana Yesus sedang memanggil anda untuk bergerak — daripada kesedihan, kekeliruan, atau kebergantungan, kepada iman dan kesaksian? Apa langkah yang boleh anda ambil minggu ini? Bagaimana kita boleh membantu orang yang sedang berduka?

UNTUK DIDOAKAN

Dunia yang Kita Kasih

- terus berdoa untuk keamanan dunia; khususnya di Timur Tengah. Doakan agar para pemimpin benar-benar berusaha ke arah keamanan dan kesejahteraan bagi semua.

Komuniti yang Kita Kasih

- doakan mereka yang sedang berdukacita: agar mereka merasakan kasih Yesus yang nyata, dipulihkan daripada kesedihan, dan hidup dengan pengharapan yang baru.

Diri sendiri

- doakan tim misi paduan suara kita yang melayani di Tawau: agar Roh Kudus memakai mereka untuk menguatkan dan memberkati orang lain, serta mereka sendiri juga diteguhkan dalam iman.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.